



## **S. JIBENG**

**(15/05/1942 – 02/2006)**

### **ALUNAN SUARA MENJADI PUJAN**

*Oleh Amy Suzani Mohd. Ainuddin*

KALAU disebut nama Jaafar bin Sidek tentu tidak ada sesiapa yang mengenali, Nama tersebut barangkali bukan merupakan nama yang istimewa dalam apa-apa bidang pun. Tetapi kalau disebut nama S. Jibeng tentu saja ramai yang bukan sekadar mengenali malah meminatinya. Seniman S. Jibeng memang tidak asing lagi dalam dunia seni suara tanah air. Walaupun zaman kemuncak popularitinya adalah dalam tahun-tahun 1960an tetapi dia masih dikenali malah diminati hingga ke hari ini.

Dilahirkan dalam tahun 1942 di Singapura, S. Jibeng tidak tahu bila tarikh lahir sebenarnya. Ini kerana menurut beliau pada waktu itu tidak ada surat beranak dikeluarkan. Nama sebenarnya Jaafar bin Sidek. Menurut beliau nama Jibeng diberikan oleh neneknya semantara huruf 'S' di pangkal nama adalah singkatan daripada nama bapanya. Hingga kini beliau dikenali dengan nama S. Jibeng dan nama asalnya seakan tenggelam begitu saja.

Menurut S. Jibeng lagi, beliau sebenarnya dilahirkan dengan penglihatan yang normal. Bagaimana pun ketika usianya 2 tahun, beliau diserang penyakit campak. Oleh kerana pada waktu itu adalah zaman pendudukan Jepun di mana sangat sukar untuk mendapatkan rawatan, penyakit campak tersebut telah merebak hingga ke mata mengakibatkan beliau hilang penglihatan. Itulah suratan takdir yang terpaksa ditempuh walau dengan perasaan yang sedih.

Namun ternyata di sebalik kecacatan tersebut Allah menganugerahkan S. Jibeng dengan bakat dan kebolehan seni yang istimewa. Sejak kecil S. Jibeng sudah menunjukkan minat yang mendalam dalam bidang seni suara. Beliau bukan sahaja berminat malah sebenarnya mempunyai bakat yang tersendiri serta mempunyai suara yang baik untuk menyanyi.

Bakat S. Jibeng dikesan oleh satu kumpulan muzik yang pada waktu itu sering mengadakan persembahan mereka di majlis-majlis perkahwinan dan keramaian di sekitar

Singapura. Dari situlah sebenarnya tapak permulaan kepada kerjaya nyanyian S. Jibeng. Menurut S. Jibeng, kehidupan zaman kanak-kanaknya yang susah menyebabkan beliau menerima tawaran untuk menyanyi bersama kumpulan muzik tersebut dengan bayaran yang tidaklah sebanyak mana. Namun bayaran itu sudah cukup di syukuri oleh beliau kerana itulah satu-satunya sumber kewangannya ketika itu.

Dari satu majlis perkahwinan dan keramaian ke satu majlis yang lain, S. Jibeng tidak pernah merasa jemu mengalunkan suaranya bersama kumpulan muzik tersebut. Walaupun usianya masih kanak-kanak iaitu lebih kurang 11 tahun pada waktu itu sedangkan ahli-ahli kumpulan muzik tersebut semuanya sudah dewasa, namun S. Jibeng dapat menyesuaikan diri. Beliau juga diterima dengan baik oleh ahli-ahli kumpulan muzik tersebut. Malah nyanyiannya juga digemari oleh penonton yang mengikuti persembahan.

Bakat semulajadi S. Jibeng ternyata menyerlah. Tanpa pernah belajar menyanyi secara formal, beliau mampu menghafal setiap lagu yang dibawanya dan mampu pula mendendangkan lagu tersebut dengan penuh penghayatan. Kata orang ke mana tumpahnya kuah kalau bukan ke nasi. Barangkali begitulah juga dengan seniman S. Jibeng. Bakat seni ibunya yang merupakan keturunan bangsawan telah diwarisinya. Bakat yang diasah dengan bersungguh-sungguh itu akhirnya telah bersinar terang.

Setelah bertahun-tahun mengasah bakat nyanyiannya dalam majlis-majlis perkahwinan dan keramaian, pada suatu hari ketika itu usianya telah mencecah 26 tahun,

S. Jibeng telah didatangi seseorang dari syarikat rakaman. Lelaki berkenaan yang tertarik dengan alunan suara S. Jibeng telah menawarkan beliau peluang untuk merakamkan lagu ke piring hitam.

Pada mulanya S. Jibeng merasakan tawaran tersebut bagaikan sebuah mimpi. Sulit untuk beliau mempercayai bahawa alunan suaranya berjaya memikat hati syarikat rakaman. Malah S. Jibeng juga tidak yakin dengan kemampuannya ketika itu. Beliau bimbang kalau-kalau nanti album yang dihasilkan gagal mendapat sambutan. Namun beliau diberikan keyakinan dan kepercayaan penuh oleh syarikat rakaman berkenaan sehingga akhirnya tawaran tersebut diterimanya. Menurut S. Jibeng, peluang untuk merakamkan suara itu adalah peristiwa yang sesungguhnya paling bermakna dan paling menggembirakan dalam hidupnya.

Lagu pertama yang dirakamkan oleh S. Jibeng berjudul 'Musafir Kelana'. Pada ketika itu muzik berirama Pop Yeh Yeh sedang popular di Malaysia, Singapura serta Brunei. Irama ini menguasai dunia muzik Melayu antara tahun 1965 hingga tahun 1971. Menurut S. Jibeng irama Pop Yeh Yeh merupakan kesan pengaruh hebat kumpulan *The Beatles* dari England. Malah istilah pop yeh-yeh diambil daripada judul lagu popular *The Beatles, She Loves You - Yeh, Yeh, Yeh*.

Ketika kemuncak kegilaan irama pop yeh-yeh, banyak kumpulan muzik yang ditubuhkan cuba meniru *The Beatles* dari segi penampilan, corak dan gaya persembahan. Pada kebiasaannya, kumpulan gitar rancak atau dipendekkan gelarannya menjadi kugiran

ini mempunyai empat anggota yang berperanan sebagai penyanyi, selain pengendali empat alat muzik iaitu tiga gitar elektrik dan dram. Kebanyakan lagu yang dipersembahkan adalah berirama rancak, walaupun yang bertemakan lagu sedih.

Perkembangan kugiran mendorong kewujudan banyak syarikat rakaman di Singapura sekitar 60-an, banyak lagu-lagu yang dirakamkan ke priring hitam dan dikomersilkan. S. Jibeng adalah salah seorang daripada barisan penyanyi yang mewarnai irama tersebut. Penyanyi-penyanyi lain yang mencipta namanya pada ketika itu termasuklah A. Ramlie, Jeffrydin, Adnan Othman, J. Kamisah, Ahmad Jais, M. Osman, Hussien Ismail, A. Halim dan L. Ramlie.

Kegemilangan pop yeh-yeh mula merosot pada 1971. Semenjak kemerosotan irama pop yeh-yeh, pusat perkembangan muzik Melayu mulai beralih dari Singapura ke Kuala Lumpur. Banyak penggubah lagu, penulis seni kata, penyanyi, penerbit album dan muzik mula bertandang bukan sahaja di Kuala Lumpur, malah beberapa bandar lain termasuk Johor Bahru serta Ipoh untuk mengambil peluang dari perkembangan muzik Melayu yang semakin rancak berubah. S. Jibeng juga tidak ketinggalan mengikut arus perubahan ini.

Diluar jangkaan, album Musafir Kelana mendapat sambutan yang baik daripada peminat seni suara. Kejayaan ini telah mendorong syarikat rakaman Suria Records memberikan kepercayaan kepada S. Jibeng untuk merakamkan lagu-lagu lain pula. Hasilnya satu demi satu lagu nyanyian seniman cacat penglihatan ini menjadi pujaan

ramai. Antara lagu-lagu beliau yang terkenal ialah 'Inai Di jari'. 'Asmara Dewi', 'Selamat Tinggal Pujaan', 'Setahun Kata Kuberi', 'Si Cincin Emas', 'Musafir Di Aidil Fitri', 'Nasib Si Buta' dan 'Ratapan Anak Yatim'.

Alunan suara S. Jibeng yang mendayu-dayu ternyata mampu memukau perasaan pendengar. Dengan berkaca mata hitam, S. Jibeng tidak langsung merasa kekok atau malu untuk tampil menghiburkan peminatnya. Kebanyakan lagu yang dinyanyikan oleh S. Jibeng ditulis sendiri liriknya. Bersama Kugiran Sri Arjuna, S. Jibeng menjadi seniman yang diminati ramai. Namanya melonjak daripada seorang penyanyi majlis-majlis perkahwinan kepada seorang bintang pujaan.

Bagi S. Jibeng, setiap lagu yang dinyanyikannya mempunyai makna yang tersendiri dalam hidupnya. Lagu 'Selamat Tinggal Pujaan' sebagai contoh, ditulis liriknya sewaktu beliau kecewa dalam percubaan pertamanya untuk mendirikan rumah tangga. Waktu itu menurut S. Jibeng ibunya telah berkenan kepada seorang gadis di kampungnya. Hasrat ibu untuk menjodohkan beliau dengan gadis tersebut diterimanya dengan rela hati. Malah beliau menyimpan cita-cita untuk membina sebuah rumah tangga yang bahagia dengan gadis tersebut.

Malangnya harapan itu tidak kesampaian apabila ketika ibunya pergi untuk merisik, beliau mendapat tahu yang gadis pujaannya itu sudah pun mengikat tali pertunangan dan bakal mendirikan rumah tangga tidak lama lagi. Gadis budiman itu

kemudian menjemput S. Jibeng untuk menghadiri majlis perkahwinannya dan undangan ikhlas itu diterima oleh S. Jibeng.

Mengimbas kembali kenangan sewaktu menghadiri majlis perkahwinan tersebut, S. Jibeng menceritakan bagaimana beliau telah mendendangkan lagu ‘Selamat Tinggal Pujaan’ serta lagu ‘Inai Di Jari’ bagi menghiburkan pengantin. Antara lain lirik lagu tersebut adalah:

*Alangkah indah temasya di malam itu  
Dua insan karam di lautan madu  
Menanam dendam berahi satu persatu  
Berkucup angan di bibir merayu-rayu*

*Apa kiranya semua dendamnya itu  
Dalam gembira hati penuh duka sengsara  
Seorang insan turut memendam rasa  
Patah hatinya terkorban dalam bercinta*

Tanpa diduga sebaik sahaja beliau selesai mendendangkan lagu ‘Inai Di Jari’ pengantin perempuan tiba-tiba telah turun dari pelamin dan mendapatkannya sambil menangis terisak-isak. Sejurus kemudian pengantin lelaki juga turut turun dari pelamin dan menjabat kemas tangan S. Jibeng. Itulah antara peristiwa yang sangat menyentuh hati S. Jibeng.

Sebuah lagi lagu yang sangat besar maknanya kepada seniman cacat penglihatan ini ialah lagu 'Musafir Di Aidil Fitri'. Menurut beliau, lirik lagu tersebut ditulisnya dengan penuh penghayatan. Baris-baris lirik dalam lagu 'Musafir Di Aidil Fitri' disifatkan oleh S. Jibeng sebagai 'kata-kata emas'. Untuk memperolehi lirik tersebut beliau telah mengunjungi kawasan perkuburan dalam suasana yang sunyi sepi. Hasilnya tercetuslah senikata lagu ini:

*Gema takbir di subuh hari  
Menjelang sudah Aidil Fitri  
Tapi hamba musafir diri  
Ke sana sini membawa diri*

*Ayah ibu lamalah pergi  
Pergi menyahut seruan Illahi  
Tinggal hamba seorang diri  
Tiada siapa ingin hampiri*

*Oh! Tuhan Yang Maha Kaya  
Hamba menangis di pagi raya  
Aidil Fitri hari bahagia  
Tapi hamba dilanda derita*

*Pusara ayah dan juga ibu  
Di pagi bahagia hamba kunjungi  
Dengarlah ini ratapan anakmu  
Hamba musafir di Aidil Fitri*



Siapa menduga lagu yang dirakamkan pada awal tahun 70an itu masih mendapat sambutan hingga ke hari ini. Malah lagu ciptaan S. Jibeng itu boleh saja membuat para pendengar menitikkan airmata terutama bila ia diputarkan menjelang hari lebaran. Gabungan lirik yang penuh penghayatan serta alunan suara S. Jobeng yang merdu menjadikan lagu tersebut tak lapuk dek hujan dan tak lekang dek panas.

Ternyata cacat penglihatan bukan penghalang untuk seseorang bergelar bintang pujaan. S. Jibeng seringkali merasa terharu dengan penghargaan yang diterima daripada para peminatnya. Ada antara peminat yang menghadiahkannya bunga dan pelbagai cenderahati lain. Meskipun beliau tidak dapat melihat setiap pemberian itu namun beliau amat menghargainya.

Lebih membuat S. Jibeng terharu ialah sambutan yang diterima daripada para peminat masih menggalakkan walaupun zaman popularitinya telah lama berlalu. Ketika beberapa tahun lalu pihak RTM mengadakan rancangan Hiburan Minggu Ini yang dijayakan oleh artis-artis 60an termasuk S. Jibeng, rancangan tersebut mendapat sambutan yang amat baik. Ini sekaligus menjadi bukti bahawa masih ramai yang meminati S. Jibeng dan rakan-rakan yang seangkatan dengannya.

Terbaru S. Jibeng telah dipilih oleh kumpulan nasyid terkenal tanah air iaitu Kumpulan Raihan untuk merakamkan album. S. Jibeng secara duet telah menyampaikan lagu berjudul '*Taqwa Iman*' dalam album tersebut. Lagu tersebut suatu masa dulu pernah

dipopularkan oleh Ahmad Jais. Menurut S. Jibeng sudah lama beliau bercita-cita untuk merakamkan lagu yang berbentuk dakwah. Beliau bersyukur kerana cita-cita itu akhirnya tercapai juga.

Dalam usianya yang mencecah 65 tahun kini, S. Jibeng ternyata masih boleh menyanyi dengan baik. Alunan suaranya tidak banyak berbeza daripada ketika zaman popularnya dulu. Beliau menafikan menggunakan sebarang ilmu untuk menjaga suaranya. Menurut S. Jibeng beliau bersyukur kerana dalam usianya sekarang beliau masih diberikan kekuatan kudrat dan kemampuan untuk melontarkan suara. Itu semua adalah anugerah Tuhan yang amat bermakna dalam hidupnya.

Bercerita tentang kehidupannya kini, S. Jibeng memberitahu yang beliau gembira dan tenang dengan kehidupan yang dilaluinya kini. S. Jibeng yang kini menetap di Johor Bahru bersama keluarganya lebih banyak menghabiskan masa dengan satu kumpulan muzik yang diberi nama Sri Arjuna 2. Menurut beliau, dua daripada anggota kumpulan Sri Arjuna 2 juga adalah golongan cacat penglihatan. Untuk masa sekarang Sri Arjuna 2 bergiat aktif di sekitar Johor Bahru. Namun S, Jibeng menyimpan hasrat untuk suatu hari dapat merakamkan album bersama kumpulan muzik tersebut.

Barangkali kerana nyanyian sudah begitu sehati dengan dirinya, S. Jibeng mengakui bahawa beliau sering merasa 'gian' untuk menyanyi sebagaimana waktu mudanya dahulu. Untuk melepaskan 'gian' tersebut ada waktunya beliau akan dibawa

oleh teman-temannya berkunjung ke pusat karaoke di sekitar Bandar Johor Bahru. Di situlah beliau akan menyanyi sepuas-puas hatinya.

Kini, nama seniman cacat penglihatan S. Jibeng telah tersenarai dalam barisan seniman yang menjadi legenda dunia seni suara tanah air. S. Jibeng telah membuktikan betapa kecacatan bukan penghalang untuk menempa nama yang gemilang. Bakat yang digilap dengan kesabaran dan usaha yang bersungguh-sungguh pasti akan membuahkan hasil yang dicita-citakan. Kejayaan S. Jibeng menjadi bukti bahawa golongan cacat penglihatan yang terlibat dalam bidang muzik mampu pergi lebih jauh dan bukan sekadar menjadi pemuzik jalanan.